

MASYARAKAT ISLAM BERDAYA TAHAN

BERLINDUNG DARIPADA
RADIKALISASI



MASYARAKAT ISLAM BERDAYA TAHAN

BERLINDUNG DARIPADA RADIKALISASI

PENDAHULUAN

Islam mengajar kesederhanaan seperti yang telah dipaparkan dalam kisah kehidupan Rasulullah s.a.w. Dengan mencontohi Nabi Muhammad s.a.w, masyarakat Islam diajar untuk merealisasikan nilai-nilai rahmah dan memupuk keharmonian. Namun, terdapat beberapa kumpulan tegar yang melakukan pengganasan dengan menggunakan nama Islam. Pengganasan yang dijalankan mereka telah meragut ribuan jiwa. Mereka bertujuan untuk memecah-belahkan masyarakat berdasarkan pemahaman palsu mereka berkenaan konsep jihad.

Singapura berdepan dengan ancaman keganasan dan radikalisasi. Kumpulan-kumpulan ekstremis terus berusaha menyebarkan ideologi mereka yang merbahaya secara online. Adalah penting untuk kita terus berwaspada dan melindungi masyarakat kita daripada ancaman radikalisasi.

Pada tahun 2016, edisi pertama buku panduan bertajuk 'Keluarga Berdaya Tahan' telah diterbitkan untuk ahli keluarga memahami isu radikalisasi dan mengenalpasti tanda-tandanya.

Edisi kedua penerbitan ini merupakan versi yang disemak semula dengan tajuk baru 'Masyarakat Islam Berdaya Tahan'. Selain memahami isu radikalisasi, masyarakat Islam juga dibimbing untuk mengenal pasti kelakuan meragukan yang berkaitan dengan ideologi-ideologi bermasalah.

Buku panduan ini juga membimbing masyarakat bagaimana untuk mengenali sumber maklumat yang boleh dipercayai di wadah online. Tambahan pula, senarai bagi wadah-wadah untuk mencari maklumat agama yang boleh dipercayai turut disertakan.

Kami berharap edisi kedua buku panduan ini dapat membantu masyarakat Islam Singapura untuk menjadi lebih berdaya tahan dari ancaman radikalisasi.



Majlis Ugama Islam Singapura
(Islamic Religious Council of Singapore)

MEMAHAMI RADIKALISASI KEAGAMAAN





APA ITU RADIKALISASI KEAGAMAAN?

Radikalisasi keagamaan tidak bermakna lebih komited kepada ajaran Islam. Seseorang Muslim yang mempunyai pemahaman mendalam terhadap kepercayaan Islam akan menunjukkan lebih komitmen kepada nilai-nilai rahmah, dan berusaha untuk menyumbang dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Sebaliknya, seorang yang terjebak dalam radikalisasi keagamaan menyebarkan pegangan ekstremis yang menganggap kekejaman dan penganasan sebagai cara untuk mencapai matlamat politik tertentu.

Individu yang berada di dalam proses radikalisasi tidak semestinya terlibat dalam tindakan penganasan. Tetapi, hanya masa yang akan menentukan sama ada ideologi radikal mereka akan menjadi tindakan penganasan.

BAGAIMANA MEDIA SOSIAL MEMPENGARUHI SESEORANG MENJADI RADIKAL?

Sebelum terbitnya media sosial, radikalisasi keagamaan sering berlaku dalam rangkaian kumpulan penganas. Dewasa ini, dengan Internet yang tiada sempadan, serta alat-alat dan teknologi media sosial yang canggih, membolehkan propaganda radikalisme diterima lebih meluas. Secara umum, kita semua lebih terdedah dan mudah dipengaruhi dengan ancaman radikalisasi pada zaman ini.



APA ITU ALGORITMA MEDIA SOSIAL?

Algoritma media sosial membolehkan para pengguna untuk hanya mengakses kandungan yang diminatinya. Ini membuat seseorang lebih cenderung dengan pandangan yang dipegang.

BAGAIMANA ALGORITMA MEDIA SOSIAL MENJEJAS RADIKALISASI KEAGAMAAN?

Apabila seseorang pengguna mencari pandangan ekstrem secara online, algoritma media sosial akan terus mendedahkannya kepada kandungan yang berkaitan.

Pengguna juga boleh berhubung dengan individu-individu yang menghasilkan kandungan ini dengan lebih mudah, termasuk mereka yang mempunyai pandangan dan kepercayaan yang ekstrem.



APAKAH KES-KES RADIKAL SECARA SENDIRI DI SINGAPURA?

Ideologi-ideologi radikal disebar oleh pelampau agama melalui pelbagai wadah, di dalam talian (online) dan di luar talian (offline). Wadah-wadah ini memberikan alternatif kepada ajaran Islam yang sebenar dan menarik individu kepada ideologi yang salah ini dengan membangkitkan emosi mereka.

Terdapat beberapa kes di Singapura di mana individu menjadi radikal kerana terpengaruh dengan propaganda radikal dalam talian (online). Dalam sesetengah kes, anggota masyarakat tidak menyedari kegiatan-kegiatan online mereka. Dalam kes-kes yang lain, ada pula yang menyedari tentang individu yang terpengaruh dengan propaganda sedemikian, tetapi tidak mengambil sebarang tindakan.

KES A



Pada tahun 2017, seorang lelaki berumur 39 tahun ditampilkan dalam sebuah video propaganda oleh satu kumpulan pengganas bernama ISIS. Sebelum menyertai ISIS, dia dilaporkan telah meninggalkan Singapura pada tahun 2014 untuk bekerja di Timur Tengah. Dia menjadi radikal semasa berada di Timur Tengah dan kemudian memutuskan untuk ke Syria dan menyertai ISIS.

KES B



Pada tahun 2017, seorang wanita berumur 22 tahun yang bekerja sebagai penolong pusat penjagaan bayi telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Dia didapati telah menjadi radikal menerusi propaganda ISIS dalam talian (online) sejak 2013. Pada tahun 2014, dia mula mengongsikan bahan-bahan pro-ISIS di akaun-akaun media sosialnya. Pada 2015, ahli keluarganya telahpun mengetahui tentang beberapa pos di media sosial yang mengandungi kandungan radikal, tetapi tidak melaporkannya kepada pihak berkuasa. Semakin hari, wanita tersebut menjadi semakin radikal, dan mula merancang untuk ke Syria bersama anak kecilnya dan berkeinginan untuk menjadi seorang isteri kepada seseorang yang bakal mati syahid.

KES C



Pada tahun 2017, seorang bekas Anggota Perkhidmatan Negara berumur 19 tahun yang berkhidmat sebagai seorang pembantu logistik di Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) telah diberikan Perintah Sekatan (RO). Dia mula menjadi radikal selepas pendedahan yang lama kepada video-video pro-ISIS yang dijumpainya ketika menonton video berkaitan dengan konflik Israel-Palestin. Pada pertengahan 2016, dia berniat untuk menyertai perjuangan ISIS di Syria kerana dia melihat peperangan yang berlaku di sana sebagai perjuangan sektarian antara pihak Sunni dan Syiah. Walau bagaimanapun, sejak Ogos 2017, dia menjadi kurang yakin dengan ideologi ISIS dan taktik-taktik ganasnya. Kemudian, dia diberikan RO dan dikehendaki menjalani kaunseling termasuk kaunseling keagamaan.

Sumber: Pelbagai laporan media

BERLINDUNG DARIPADA RADIKALISASI





Sesiapa sahaja boleh menjadi radikal. Ia tidak terhad kepada mana-mana agama, bangsa, jantina atau kerakyatan. Individu yang radikal mempunyai pelbagai latar belakang sosio-ekonomi dan pendidikan, dan mempunyai keadaan kesihatan mental yang berbeza. Bagaimanapun, terdapat beberapa pegangan dan kelakuan tertentu yang membolehkan seseorang lebih berkemungkinan untuk menjadi radikal.

APAKAH **TANDA-TANDA RADIKALISASI** YANG BOLEH DIKENALPASTI?

Terdapat beberapa kelakuan yang dikaitkan dengan proses radikalisasi. Seorang yang menunjukkan kelakuan berikut memerlukan bantuan awal dan campur tangan:

- Memutuskan hubungan dengan anggota keluarga dan lingkungan sosialnya untuk menumpukan sepenuh perhatian kepada lingkungan rakan-rakan baru.
- Memakai atau mempamerkan simbol-simbol yang menandakan hubungan atau sokongan untuk kumpulan pelampau yang dikenali.
- Berdakwah kepada orang lain dengan cara mendesak (mencuba untuk mendesak orang lain mengamalkan kepercayaan atau ideologi tertentu).

Diadaptasikan daripada The Centre for The Prevention of Radicalisation Leading to Violence (CPRLV), Canada

APAKAH **KELAKUAN** LAIN YANG PATUT SAYA **BIMBANGKAN**?

Selain kecenderungan kepada ideologi yang bermasalah, kita juga harus mengambil perhatian terhadap kelakuan tertentu seperti:

1

Meluahkan atau menunjukkan rasa benci dan menghina individu atau kumpulan berdasarkan doktrin keagamaan

2

Melahirkan pandangan yang dianggapnya sebagai kebenaran mutlak, atau amat terganggu dan mempamerkan ketidakpercayaan yang melampau terhadap masyarakat atau kumpulan tertentu

3

Mempunyai kepercayaan mutlak dalam teori dan wacana mengenai konspirasi

4

Melaksanakan kajian intensif dan eksklusif mengenai bahan-bahan berkaitan dengan ideologi atau kepercayaan tertentu

5

Membenarkan atau menyokong penggunaan keganasan untuk mempertahankan tujuan atau ideologi

6

Menjadi taksuf dengan isu eskatologi dan terlalu tertumpu kepada urusan mesianik serta isu-isu akhir zaman

APAKAH CONTOH UNGKAPAN DOKTRIN YANG MUNGKIN BERMASALAH?

TAKFIRI

- Mereka menganggap sesiapa yang tidak bersetuju dengan tafsiran agama mereka sebagai tidak sehaluan dengan mereka dan melabel mereka sebagai orang kafir (orang-orang yang tidak beriman).
- Mereka mengkafirkan orang Islam yang lain.
- Mereka berpegang kepada fahaman yang mutlak, menganggap hanya kumpulan mereka yang benar dan menentang individu atau kumpulan lain, termasuk menggunakan kekejaman, jika perlu.

HIJRAH

- Mereka berpendapat bahawa wajib bagi umat Islam untuk berhijrah ke tanah khusus yang dianggap sebagai 'Negara Islam' yang suci.
- Mereka berpandangan hidup sebagai kaum minoriti dalam sebuah masyarakat majmuk sebagai sesuatu yang terlarang. Maka, seseorang tidak boleh menyertai proses politik di negara yang mereka bermastautin.

AL-WALA' WAL BARA'

- Mereka menentang idea bahawa orang Islam dan bukan Islam boleh hidup bersama dengan aman.
- Mereka menyebarkan kebencian terhadap orang-orang bukan Islam dan menolak sebarang bentuk hubungan sosial antara masyarakat Islam dan bukan Islam.
- Mereka menggalakkan kesangsian dan pemisahan antara masyarakat Islam dan bukan Islam.

JIHAD

- Mereka percaya bahawa jihad dengan bersenjata dan keganasan itu diperlukan.



Ungkapan-ungkapan doktrin ini tidak lengkap kerana pelampau turut menyebarkan banyak lagi doktrin dan konsep bermasalah yang lain.

Amatlah penting untuk bersikap kritikal dalam memahami doktrin dan konsep agama. Pastikan anda meminta penjelasan daripada asatizah bertauliah di bawah Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS) sekiranya anda atau seseorang yang anda kenali mendapat doktrin-doktrin yang meragukan.

AMBIL TINDAKAN: BERSIKAP PROAKTIF





DI MANA BOLEH SAYA DAPATKAN BANTUAN?

Jika anda berjumpa atau mengenali sesiapa yang menunjukkan sebarang ciri-ciri yang telah disebutkan, ambil tindakan dan dapatkan bantuan segera.

Anda boleh rujuk kepada wadah dan saluran berikut untuk bantuan dan sokongan:

Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG)



1. Talian Bantuan RRG: 1800-7747747



2. Aplikasi RRG untuk IOS/Android

Dapatkan penjelasan daripada para asatizah RRG tentang isu-isu berkaitan fahaman pelampau dan keganasan melalui aplikasi ini. Dapatkan notifikasi daripada RRG dan buat tempahan untuk berkunjung ke pusat Sumber dan Kaunseling RRG.

Jika anda perlu berbincang dengan seorang ustaz/ustazah, anda boleh hubungi Muis di talian berikut:



1. Talian Muis: 6359 1199



2. Emel: info@muis.gov.sg

DI MANA BOLEH SAYA DAPATKAN PENDIDIKAN AGAMA YANG BETUL?

Terdapat beberapa wadah pendidikan agama yang boleh anda rujuk untuk bimbingan agama yang bersesuaian di Singapura.

Dapatkan Khidmat Asatizah Kami

- Para asatizah kami dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk menyediakan pendidikan agama dan bimbingan rohani kepada masyarakat kita.
- Pastikan anda mendapatkan khidmat asatizah yang bertauliah di bawah Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS).

Kunjungi laman web berikut untuk menyemak senarai asatizah ARS:



<https://www.muis.gov.sg/ARS-and-IECP>





Teroka Pembelajaran Islam bersama Kami dan Rakan Kongsi Kami

- Kami mempunyai pelbagai program pembelajaran Islam yang boleh memenuhi keperluan pelbagai umur dan keperluan masyarakat.
- Terdapat pelbagai pilihan untuk keperluan pembelajaran Islam anda:

1 Program Pembelajaran Islam di Masjid

Program **aLIVE** telah disediakan untuk memenuhi keperluan para pelajar di peringkat umur yang berbeza (Kanak-Kanak, Pra-Remaja, Remaja & Belia). Para pelajar akan dibekalkan dengan pengetahuan agama yang praktikal dan relevan sebagai umat Islam Singapura.

Ketahui lebih lanjut tentang program aLIVE di laman-laman berikut:



<https://www.muis.gov.sg>



[aLIVE.SG](https://www.facebook.com/alive.sg)



[alive.sg](https://www.instagram.com/alive.sg)

'Program Pembelajaran Islam Dewasa' (ADIL) adalah program khusus yang disediakan untuk pelajar dewasa di Singapura. ADIL membimbing para pelajar dengan pengetahuan agama yang diiktiraf dan relevan dengan konteks kehidupan di Singapura.

- ADIL menawarkan program berstruktur dari peringkat asas, pertengahan dan juga lanjutan.
- ADIL juga menawarkan pengalaman pembelajaran interaktif antara pelajar dan asatizah.

Ketahui lebih lanjut tentang program ADIL melalui laman ini:



bit.ly/ADILsingapore



ADIL SG



[muisadil.sg](https://www.instagram.com/muisadil.sg)

2 Penyedia Pendidikan Islam Swasta

Selain program-program yang ditawarkan Muis, ada juga pelbagai program pendidikan agama setempat yang ditawarkan oleh penyedia pendidikan Islam swasta.

- Semak laman berikut untuk senarai penyedia bertauliah:
<https://www.muis.gov.sg/ARS-and-IECP>
- Untuk maklumat lanjut mengenai bimbingan serta pembelajaran Islam anda, sila hantarkan emel kepada kami di iecp@muis.gov.sg.





Lungsuri Wadah Pembelajaran Online Kami

Terdapat pelbagai kandungan keagamaan yang boleh didapati di internet serta wadah-wadah media sosial. Bagaimanapun, tidak semua kandungan agama ini memberikan panduan agama yang sesuai untuk umat Islam di Singapura.

Kita perlu berhati-hati apabila mendapatkan bimbingan agama secara online. Sesetengah kandungan agama ini mungkin telah disebarkan dengan niat untuk merosakkan keharmonian dan kepercayaan sesama kita. Pada masa yang sama, sesetengah kandungan ini mungkin tidak boleh dipercayai dan mengandungi panduan agama dan maklumat palsu.

Kami mempunyai pelbagai saluran pembelajaran Islam di wadah online yang boleh dijadikan rujukan untuk pembelajaran Islam anda.

1 Pejabat Mufti Online (OOM) *Office of the MUFTI*

Laman web rasmi Pejabat Mufti (OOM) memberi akses kepada Fatwa, Khutbah Jumaat, Irsyad (bimbingan agama) dan soalan-soalan yang sering dikemukakan (FAQ).

- Sekiranya anda ingin menghubungi Pejabat Mufti, anda boleh menghantarkan emel ke info@muis.gov.sg.
- Anda juga boleh memuat turun e-buku percuma yang dikeluarkan oleh Pejabat Mufti melalui <https://www.muis.gov.sg/officeofthemufti>

Ketahui lebih lanjut tentang Pejabat Mufti di lalaman berikut:

 [officeofmuftisg](https://www.youtube.com/channel/UCv3v3v3v3v3v3v3v3v3v3v3)

 [officeofmuftisg](https://www.instagram.com/officeofmuftisg)



Discover. Learn. Inspire.

Muslim.sg adalah wadah online sehati yang menyediakan kandungan khas bagi masyarakat Muslim di Singapura.

Anda boleh membaca artikel-artikel menarik, memuat turun e-buku percuma, menonton video interaktif dan juga mendengar podcast.

Kunjungi

www.muslim.sg

untuk maklumat lanjut



Muslim SG



muslim.sg



muslimsg_



MuslimSg





KENALI RANGKAIAN BELIA ASATIZAH

Nikmati kandungan agama yang kreatif dan relevan di mana sahaja

Rangkaian Belia Asatizah (AYN) terdiri daripada guru-guru agama yang dilatih dalam media digital, kaunseling serta usaha-usaha daya tahan belia yang lain.



Asatizah Youth Network

IKUTI KAMI:



Muslim SG



muslim.sg



muslimsg_



MuslimSg



Hubungi kami di wadah media sosial dan hantarkan mesej kepada kami pada bila-bila masa sahaja!



Hadiri acara 'pop up' Muslim.sg dan kenali kami!



Dapatkan kandungan online di laman web dan media sosial kami. Tonton video kami dan maklumat ringkas yang kami kongsi!



MUSLIM.SG

ACARA 'POP UP'

Muslim.Sg menganjurkan beberapa acara 'pop up' setiap tahun. Acara 'pop up' kami memberi peluang kepada pengikut wadah media sosial kami untuk bertemu dan berinteraksi dengan anggota Rangkaian Belia Asatizah (AYN).

Acara 'pop up' ini membawa interaksi dari ruang online ke ruang fizikal.


Bertanya, berbincang dan pelajari daripada AYN mengenai topik-topik terpilih di setiap sesi 'pop up'.

Pastikan anda dapatkan jadual dan informasi mengenai acara 'pop up' yang akan datang melalui wadah media sosial kami.
Langgani senarai email kami untuk mendapatkan undangan eksklusif!



MuslimSG

Muat turun sekarang secara percuma!



Waktu Solat | Lokasi Masjid Terdekat
Tempat Makanan Yang Disahkan Halal | Berita Terkini

Banyak ciri-ciri baru akan datang!



IMBAS UNTUK MUAT TURUN!



Muat turun di <https://muslimsg.app/download>

BAGAIMANA UNTUK MEMUPUK DAYA TAHAN DALAM PEMBELAJARAN AGAMA?



BAGAIMANA KITA BOLEH **MEMBINA** **KEMAHIRAN CELIK MAKLUMAT?**

Islam menekankan secara khusus terhadap keperluan untuk memeriksa dan mengesahkan maklumat. Tradisi Islam mengajar seseorang menjadi pelajar yang bertanggungjawab dengan mengesahkan kesahihan maklumat yang diperolehinya.



Lembaga Perpustakaan Negara telah melancarkan kempen untuk menggalakkan kepentingan pencarian maklumat dan pengertiannya, yang digelar S.U.R.E. Ia meringkaskan konsep Celik Maklumat kepada 4 cara mudah:

Sumber (***S**ource*)

Lihat asal-usulnya. Bolehkah ia dipercayai?

Fahami (***U**nderstand*)

Fahami apa yang anda baca. Cari penjelasan.

Selidik (***R**esearch*)

Selidiki dengan lebih mendalam. Dapatkan maklumat selain sumber awal.

Nilaikan (***E**valuate*)

Cari keseimbangan. Amalkan penilaian saksama.



<http://www.nlb.gov.sg/sure/sure-campaign/>

BAGAIMANA KITA MENENTANG BERITA PALSU?

Fenomena maklumat palsu telah wujud sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. Baginda s.a.w. seringkali memeriksa kesahihan maklumat yang diterimanya. Al-Quran juga turut menyatakan kepentingan untuk mempunyai sikap kritikal dalam menganalisa maklumat. Seperti yang disebutkan di dalam Surah al-Hujurat ayat 6:

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini –dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) – sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan."

Ayat ini menekankan bahawa sesuatu maklumat itu perlu disahkan kebenarannya. Adalah penting bagi masyarakat Islam untuk menyedari dan bersikap kritikal ketika berhadapan dengan maklumat yang meragukan.

MEMBEZAKAN ANTARA MAKLUMAT PALSU DAN FAKTA

Dalam membina daya tahan di kalangan masyarakat Islam, sangat digalakkan bagi kita untuk mengamalkan pemeriksaan fakta bagi mengesahkan kesahihan maklumat di wadah online. Berikut adalah beberapa soalan yang boleh kita renungi, sebelum mengambil maklumat itu dan mengongsinya dengan orang lain.

- **Siapakah** penulis/penerbit kandungan ini?
- **Bilakah** maklumat itu diterbitkan?
- **Apakah** agenda dalam kandungan ini? Adakah ia berpandangan berat sebelah?
- **Mengapakah** saya membaca kandungan ini?

SIAPA?

Cari maklumat lebih lanjut tentang penulis/penerbit untuk mengesahkan kredibilitinya.

BILA?

Sentiasa pastikan maklumat itu telah dikemaskini

APA?

Penulis boleh menulis kandungan dengan tujuan melakukan manipulasi agar para pembacanya bersetuju dengan pendapatnya. Pastikan kandungan itu tidak terkeluar dari konteksnya. Kita juga boleh semak melalui pelbagai sumber lain.

MENGAPA?

Sedar akan kecenderungan anda untuk bersikap berat sebelah. Sentiasa bersikap objektif apabila mendapatkan maklumat dalam talian.

<https://www.medialiteracycouncil.sg/Best-Practices/Authenticating-Information>

DI MANA INDIVIDU BOLEH **MENYALURKAN SEMANGAT DAN KEGHAIRAHAN** MEREKA?


Masyarakat Islam memainkan peranan penting dalam menyokong satu sama lain untuk memupuk nilai-nilai positif seperti daya tahan dalam menghadapi cabaran kontemporari, menjalin hubungan yang damai dan inklusif dengan orang lain, dan menyumbang dalam mencari kebaikan bersama untuk masyarakat.

Bersama rakan-rakan dan keluarga, kita boleh mengembalikan semangat sukarelawan dan membantu mereka yang memerlukan. Mari kita saling menggalakkan satu sama lain untuk menyertai dan menyumbang kepada pelbagai isu kemanusiaan dan sosial.



Masyarakat Islam boleh menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan melalui pelbagai projek yang diterajui masyarakat.

Terdapat pelbagai pertubuhan dan yayasan setempat yang boleh anda gunakan sebagai rujukan:



MASYARAKAT ISLAM BERDAYA TAHAN

BERLINDUNG DARIPADA RADIKALISASI



Majlis Ugama Islam Singapura
(Islamic Religious Council of Singapore)